

PERSEPSI PENERIMA SKIM BANTUAN TERHADAP PERANAN AGENSI KEBAJIKAN DI MALAYSIA

**(PERCEPTION OF AID SCHEME RECIPIENTS TOWARDS THE ROLES OF
WELFARE AGENCY IN MALAYSIA)**

Mohamad Zahir Zainudin¹, Isma Addi Jumbri²

¹Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, Malaysia.

²Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, Malaysia.

Emel: mzahir@utem.edu.my, isma@utem.edu.my

Submitted: 23-03-2018 Revised 05-05-2018 Accepted: 07-06-2018 Published 15-06-2018
edition: online:

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti persepsi penerima bantuan terhadap skim bantuan sebuah agensi kebajikan di Malaysia. Seramai 157 responden yang terdiri daripada penerima bantuan telah dipilih secara persampelan mudah. Pengumpulan data menggunakan soal selidik berstruktur. Hasil kajian menunjukkan golongan wanita lebih ramai menerima bantuan berbanding lelaki. Sebahagian besar penerima terdiri daripada etnik Melayu, diikuti India dan Cina, berpendapatan di bawah RM500 sebulan dan majoritinya menerima bantuan di bawah skim Bantuan Am. Kajian juga mendapati terdapat perkaitan yang signifikan di antara persepsi penerima bantuan ke atas perkhidmatan pelanggan dengan agensi bantuan. Dapatkan ini menunjukkan persepsi perkhidmatan pelanggan yang lebih baik memberi impak ke atas skim bantuan berkenaan. Dapatkan juga menunjukkan wujud hubungan yang signifikan di antara faktor demografi dengan perubahan sosial dan jati diri dan pendapatan keluarga.

Kata Kunci: persepsi, perkhidmatan pelanggan, sikap, sosial, jati diri

ABSTRACT

The main purpose of this study is to identify the beneficiaries' perception of the aid scheme of a welfare agency in Malaysia. A total of 157 respondents of the beneficiaries were chosen by convenience sampling. Data were collected using a structured questionnaire. The findings show that more women are receiving the aid compared to the men. Most of the recipients are the Malays, followed by the Indian and Chinese, earning below than RM500 a month and they are receiving in under the General Aid scheme. The study also found that there was a significant correlation between the perceptions of beneficiaries and the customer service of the welfare agencies. This finding demonstrates that better customer service perceptions will give impact to the aid scheme. Last but not least, the findings highlight a significant relationship between demographic factors with the social change as well as self-esteem and family income.

Keywords: perception, customer service, attitude, social, identity

1.0 PENGENALAN

Kemiskinan telah menjadi isu yang diutamakan sejak 13 Mei 1969 melalui pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. Dua objektif DEB ialah menghapuskan kemiskinan tanpa mengira bangsa dan menyusun semula masyarakat supaya kekayaan negara dapat diagih dan diguna secara adil dan saksama (Malaysia, 1970). Agenda ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang sepudu dan harmoni diteruskan oleh kerajaan apabila memperkenalkan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) dan Dasar Wawasan Negara (2001-2010). Kesinambungan ketiga dasar ini terangkum dalam aspirasi kerajaan bagi membentuk sebuah negara Malaysia yang maju pada tahun 2020 melalui Wawasan 2020.

Sehingga kini, isu kemiskinan masih lagi menjadi salah satu daripada cabaran dan halangan ke arah pembangunan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Kajian-kajian mengenai kemiskinan di Malaysia memang telah banyak dilakukan tetapi kebanyakan kajian lebih tertumpu di kawasan luar bandar (Nor Aini & Chamchuri, 2003). Kadar kemiskinan di Malaysia telah berubah dan bertambah baik sejak tahun 1970 iaitu 52.4 peratus, 6.8 peratus pada tahun 1997 dan sehingga 2016 telah menurun kepada 0.4 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017).

Jadual 1: Peratusan kemiskinan di Malaysia, 1997-2016

Tahun	1997	2002	2009	2012	2015	2016
Peratus	6.8	5.1	3.8	1.7	0.6	0.4

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Keprihatinan kerajaan untuk merangka strategi bagi mengurangkan kadar kemiskinan sebagai persediaan ke arah pembasmian kemiskinan telah dijelmakan di dalam pembentukan program atau skim. Dua jenis strategi yang digunakan oleh kerajaan ialah: i) skim atau program yang meningkatkan produktiviti, dan ii) skim atau program yang memberi kemudahan, bantuan atau pertolongan keperluan asas (Asnarulkhadi, 2006).

Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) telah merumuskan golongan miskin sukar keluar daripada kepompong kemiskinan kerana kegagalan agensi kerajaan memainkan peranan secara berkesan bagi mengurangkan serta mengatasi masalah kemiskinan.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini adalah mengenal pasti keberkesanannya skim bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dari perspektif kumpulan sasar. Soalan-soalan kajian merangkumi persepsi peserta terhadap skim bantuan dan mengetahui kaitan di antara beberapa boleh ubah terpilih dengan persepsi keberkesanannya bantuan.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Penyertaan aktif agensi kerajaan bagi membasmi kemiskinaan adalah menggalakkan. Institusi-institusi yang sedia ada banyak memberikan bantuan dari segi bantuan sara hidup seperti Baitulmal, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan KEMAS. Mengikut Laporan Tahunan 2016, bantuan kewangan mengikum skim pada tahun 2016 berjumlah RM1.53 bilion. Sebelas skim yang uruskan oleh JKMM ini mencatatkan jumlah penerima yang semakin menurun tetapi terdapat pertambahan dalam jumlah bantuan (Jadual 2).

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia adalah sebuah agensi kerajaan yang terlibat bagi mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia. Pelaksanaan Skim Bantuan Am, Kanak-kanak, Orang Tua dan Elaun Pekerja Cacat telah membantu golongan miskin yang layak untuk mengurangkan beban hidup mereka. Bantuan yang dikeluarkan untuk membantu kehidupan penerima adalah bersifat sementara. Namun begitu, jumlah bantuan yang dibelanjakan oleh JKMM masih belum mencukupi untuk membantu mengurangkan jumlah penerima bantuan (www.jkm.gov.my).

JKMM sebagai sebuah institusi kebajikan utama, mempunyai pegawai dan kakitangan yang menguruskan pelbagai institusi di samping bebanan menghadapi 32 juta penduduk Malaysia. Peranan dan tanggungjawab JKMM kini lebih berat kerana banyak perkara yang harus dilihat kembali dari segi kesesuaian semasa.

Jadual 2: Jumlah Skim Bantuan Kewangan JKMM, 2014-2016

Skim	2014	2015	2016
Penerima	492,607	487,185	462,322
Jumlah	1.46 bilion	1.53 bilion	1.53 bilion

Sumber: Laporan tahunan JKMM 2016

Bantuan yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia ialah RM80 seorang sebulan atau maksimum RM350 sebulan bagi satu keluarga, RM100 untuk kanak-kanak, RM350 sebulan untuk warga emas dan elaun pekerja cacat sebanyak RM400. Tujuan bantuan ini dikeluarkan ialah bagi membantu kehidupan sehari-hari penerima dan bersifat sementara bukannya bantuan seumur hidup. Namun begitu, jumlah bantuan yang dibelanjakan oleh JKMM di negara ini masih belum mencukupi untuk menampung keperluan asas mereka (www.jkm.gov.my).

2.1 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Persepsi Dalam Pembangunan

Kajian tentang persepsi dan perubahan sering dilakukan oleh penyelidik khususnya dalam bidang pembangunan masyarakat dan pendidikan. Kajian oleh Mohd Arpan (2004) berkenaan persepsi Penyelia dan Pemaju Masyarakat (PPM) KEMAS terhadap Gerakan Desa Wawasan (GDW) merumuskan bahawa objektif GDW telah tercapai selepas persepsi PPM KEMAS berada pada kedudukan yang tinggi. Dapatkan kajian itu menggambarkan kefahaman terhadap pelaksanaan GDW adalah penting dan menjadi prasyarat yang menyumbang kepada pelaksanaan hampir semua peranannya.

Omar (2004) turut melihat persepsi Orang Asli di Pahang terhadap kekerapan melawat dan berjumpa serta bertanya khabar oleh pegawai-pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA), RISDA, FELCRA dan Jabatan Kesihatan sebagai penting dan telah menyumbang kepada penerimaan Orang Asli ke atas program dan projek pembangunan bagi meningkatkan hidup mereka. Kunjungan dan lawatan yang dilakukan, maklumat dan penerangan yang jelas berkaitan program pembangunan telah membina persepsi positif Orang Asli. Justeru pegawai JKOA telah berjaya mengubah persepsi negatif Orang Asli melalui tanggungjawab kerja mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Aris (2000) terhadap persepsi kakitangan akademik dan bukan akademik di Maktab Rendah Sains Mara ke atas prestasi kerja mendapati perhubungan dan kemesraan memberi persepsi positif terhadap kemajuan kerja mereka. Dalam kajian itu, penyelidik menyatakan walaupun ada ganjaran, hubungan sesama kakitangan yang mesra telah memupuk persepsi yang baik terhadap kerja dan secara tidak langsung membina iklim organisasi yang memuaskan.

Haris (1996) dalam kajiannya ke atas penglibatan peserta dalam program pembangunan komuniti di Kampung Buloh, Kelantan melihat aspek persepsi sangat penting kepada program-program pembangunan yang dijalankan. Bagi mempastikan masyarakat terlibat dalam sesuatu program pembangunan komuniti, golongan penerima perlu mempunyai tanggapan positif terhadap program berkenaan. Persepsi positif terhadap sesuatu projek boleh mempengaruhi penerimanya terhadap program berkenaan. Contohnya, penerimaan terhadap sesuatu kaedah yang baru akan dapat membantunya membentuk sikap yang positif terhadap program berkenaan. Justeru penerima lebih cenderung untuk mendorong diri mencari pendapatan bagi meningkatkan tahap ekonominya. Jika persepsi negatif yang diberikan, penglibatan golongan itu hanya berada pada tahap menerima faedah daripada program-program yang dijalankan dan biasanya berlaku tidak seperti yang diharapkan.

2.2 Perubahan Ekonomi, Sosial dan Jati Diri selepas Menerima Bantuan

Proses pelaksanaan dasar dan strategi pembasmian kemiskinan lebih banyak melalui proses ‘atas-bawah’ yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, kementerian-kementerian dan agensi di bawahnya, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah (Chamhuri, 1995). Selain kerajaan, parti politik juga terlibat dalam membantu mengurangkan kadar kemiskinan melalui program mereka.

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) turut berperanan mengeluarkan isi rumah termiskin melalui pembiayaan kredit mikro tanpa mengira fahaman politik, agama dan kaum (Ishak, 1994). Persepsi positif penerima bantuan yang dipanggil ‘Sahabat AIM’ telah memastikan program ini telah dilaksanakan selama 22 tahun di Malaysia sejak AIM didaftarkan pada 17 September 1987. Sehingga Mac 2018, AIM mempunyai 383,659 ahli. Daripada jumlah ahli seramai ini, 98.08 peratus daripada mereka yang mendapat pinjaman lebih cenderung membayar balik pinjaman berkenaan (aim.gov.my).

Persepsi positif penerima bantuan AIM ke atas skim berkenaan telah membantu para peserta yang kebanyakannya keluarga miskin sangat bertepatan dan diperlukan bagi mengubah keadaan hidup. Kenyataan ini dibuktikan melalui Kajian Impak (Kekesan)

yang dijalankan oleh AIM ke atas 89 peminjam pertama (perintis) yang menunjukkan kebanyakan peminjam telah bertambah pendapatan bulanan mereka (Jadual 3). Purata pertambahan pendapatan mereka ialah RM79.99 sebulan iaitu purata pertambahan pendapatan bulanan sebanyak 76 peratus (Mohd Taib, 1993).

**Jadual 3: Amanah Ikhtiar Malaysia: Kajian impak (kekesanan)
penemuan awal: Perubahan jumlah pendapatan bersih isi
rumah sebulan dari modal Projek Ikhtiar mengikut jantina**

Jantina	Purata Pinjaman RM	Perubahan Positif Bil.	Perubahan Negatif Bil.	Tidak Ada Perubahan Bil.	Perubahan Purata RM	Jumlah Bil.
Lelaki	1194	52 (82.5%)	11 (17.5%)	0	58.51 (54.4%)	63 (100.0%)
Wanita	1167	24 (92.3%)	1 (3.9%)	1	100.76 (96.7%)	26 (100.0%)
Jumlah	1180	76 (85.4%)	12 (13.5%)	1 (1.1%)	79.99 (75.5%)	89 (100.0%)

Sumber: Amanah Ikhtiar Malaysia

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan ke atas penerima skim bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Respondennya terdiri daripada penerima Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-kanak dan Elaun Pekerja Cacat.

Sejumlah 157 orang responden telah terlibat dalam kajian ini yang dipilih secara persampelan mudah (*convenience sampling*). Semua data telah dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian *SPSS versi 15.0*. Setiap responden diminta mengisi maklumat dan menentukan jawapan berdasarkan persepsi mereka terhadap penglibatan dalam persatuan, pendedahan ke atas media, khidmat pelanggan JKMM, persepsi umum program skim bantuan dan persepsi keberkesanan program berkenaan dari segi ekonomi, sosial dan jati diri.

4.0 DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN

4.1 Latar Belakang Responden

Berdasarkan latar belakang responden, daripada 157 responden yang dipilih, 42.7 peratus adalah lelaki dan 57.3 peratus adalah perempuan. Dari segi kelompok etnik, peratusan etnik Melayu adalah 45.2 peratus, diikuti India 33.1 peratus, Cina 26.0 peratus dan lain-lain etnik mencatatkan 5.1 peratus.

Majoriti responden berumur 56 tahun ke atas iaitu 36.9 peratus daripada keseluruhan responden dengan min umur ialah 49.5 tahun. Jenis bantuan yang diterima ialah Bantuan Am yang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 56.7 peratus, diikuti Bantuan

Orang Tua dan Elaun Pekerja Cacat yang masing-masing mencatat 28.0 peratus manakala Bantuan Kanak-kanak pula ialah 12.0 peratus (Jadual 4).

Jadual 4: Taburan responden mengikut jenis bantuan

Jenis Bantuan	Kekerapan (n=157)	Peratus
Bantuan Am	89	56.7
Bantuan Orang Tua	28	17.8
Bantuan Kanak-kanak	12	7.6
Elaun Pekerja Cacat	28	17.8

4.2 Persepsi Terhadap Perkhidmatan Pelanggan Agensi Bantuan

Analisis ke atas taburan kekerapan dan peratusan bagi boleh ubah persepsi ke atas perkhidmatan pelanggan JKMM menunjukkan 98.1 peratus responden bersetuju pegawai JKMM memahami masalah mereka. Malahan 95.6 peratus bersetuju dengan sikap yang dipamerkan menjadikan diri mereka selesa serta dapat memberi kerjasama. Responden turut bersetuju bahawa pegawai JKMM amat bertimbang rasa semasa mengendalikan masalah pelanggan yang berurusan iaitu 96.1 peratus dan seramai 94.9 peratus pula bersetuju dengan tahap kecekapan pegawai JKMM ketika mengendalikan urusan mereka. Dapatkan dalam Jadual 5 ini juga mencatatkan penerimaan responden ke atas khidmat pelanggan JKMM.

Jadual 5: Taburan responden terhadap persepsi perkhidmatan pelanggan JKMM

Kenyataan	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Min	Sisihan Piawai
Setiap kali berjumpa dengan Pegawai JKM, saya dapat mereka sangat memahami masalah yang saya hadapi.	98.1	1.9	0.0	4.55	0.536
Sikap mesra yang ditunjukkan oleh Pegawai JKM membuatkan saya rasa selesa dan mudah untuk memberi kerjasama kepada mereka.	95.6	3.8	0.6	4.46	0.604
Pegawai JKM memberikan perkhidmatan yang cekap semasa mengendalikan urusan-urusan saya.	94.9	3.2	1.9	4.38	0.645
Pegawai JKM amat bertimbang rasa semasa mereka mengendalikan masalah saya.	96.1	2.5	1.3	4.31	0.647

Jadual 6 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi pemboleh ubah persepsi umum terhadap skim bantuan.

Analisis menunjukkan 98.8 peratus responden bersetuju bahawa program ini telah dirancang dengan teliti untuk faedah golongan miskin. Malah 93.6 peratus bersetuju bahawa skim bantuan adalah program yang berkesan untuk membantu golongan miskin manakala 91.7 peratus bersetuju dengan kenyataan bahawa kemiskinan adalah sesuatu yang boleh diubah. Sebilangan kecil responden iaitu 11.4 peratus sahaja yang bersetuju bahawa skim bantuan JKMM ada pertindihan.

Jadual 6: Taburan responden terhadap persepsi umum skim bantuan

Kenyataan	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Min	Saisihan Piawai
Program ini telah dirancang dengan teliti untuk faedah golongan miskin.	98.8	0.6	0.6	4.61	0.539
Skim bantuan adalah program berkesan untuk membantu golongan miskin.	93.6	4.5	1.9	4.59	0.725
Kemiskinan adalah sesuatu yang boleh diubah.	91.7	5.7	2.5	4.50	0.722
Program skim bantuan ini terdapat pertindihan dengan program yang sama daripada agensi lain seperti Baitulmal dan Amanah Ikhtiar Malaysia.	11.4	62.4	26.1	2.30	0.804

4.3 Persepsi Keberkesanan Sosial Skim Bantuan

Taburan kekerapan dan peratusan bagi pemboleh ubah persepsi sosial, analisis mencatatkan 35.6 peratus responden bersetuju bahawa skim bantuan membolehkan mereka bergaul secara aktif dengan masyarakat. Dari segi keyakinan diri untuk berdamping dengan masyarakat setelah mendapat bantuan, hanya 35.0 peratus yang bersetuju.

Dapatan juga menunjukkan 33.2 peratus bersetuju bahawa mereka telah menyertai aktiviti di tempat masing-masing sejak menerima bantuan ini. Bagi usaha-usaha untuk berdikari, bilangan responden yang bersetuju sangat sedikit iaitu 14.7 peratus yang

memberi gambaran jelas betapa skim bantuan tidak dapat membantu meningkatkan sikap berdikari responden (Jadual 7).

Jadual 7: Taburan persepsi responden bagi keberkesanan sosial

Kenyataan	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Min	Sisihan Piawai
Skim bantuan ini membolehkan saya bergaul secara aktif dengan masyarakat setempat.	35.6	35.0	29.3	3.19	1.057
Setelah mendapat bantuan, saya berasa lebih yakin untuk mendampingi masyarakat di sekitar saya.	35.0	38.2	26.8	3.16	1.010
Sejak mendapat bantuan, saya telah menyertai aktiviti yang diadakan di tempat tinggal saya.	33.2	34.4	32.4	2.92	1.135
Melalui bantuan yang diterima, para peserta dapat bersama-sama meningkatkan sumber pendapatan melalui usaha berdikari.	14.7	38.9	46.5	2.50	0.991

4.4 Analisis Tahap Keberkesanan Program Skim Bantuan

Penentuan julat min skor rendah, sederhana dan tinggi digunakan bagi menganalisis tahap keberkesanan program skim bantuan JKMM. Berdasarkan analisis yang diperoleh seperti dalam Jadual 8, didapati nilai min bagi pemboleh ubah perkhidmatan pelanggan JKMM ialah 4.42. Nilai ini menunjukkan bahawa perkhidmatan pelanggan yang dilaksanakan oleh JKMM berada pada tahap yang tinggi dan aspek-aspek seperti kemesraan, prihatin dan cekap mengendalikan keperluan penerima bantuan amat dititikberatkan.

Jadual 8: Julat min skor

Julat Skor	Tahap
1.0 – 2.6	Rendah
2.7 – 3.4	Sederhana
3.5 – 5.0	Tinggi

Selain itu, bagi pemboleh ubah persepsi umum pula, dapatan menunjukkan nilai min yang diperoleh ialah 4.13. Nilai ini menunjukkan bahawa wujudnya kesedaran responden terhadap matlamat dan objektif bantuan diberikan kepada mereka dan mengakui bahawa keadaan hidup yang miskin dapat diubah.

Manakala bagi pemboleh ubah ekonomi, nilai min yang diperoleh ialah 3.68 iaitu menunjukkan keadaan hidup responden lebih baik setelah mendapat bantuan yang mana taraf hidup mereka semakin berubah. Dapatkan ini menjelaskan bahawa tahap persepsi terhadap jumlah bantuan yang diterima berada pada tahap yang tinggi.

Dalam pada itu, bagi pemboleh ubah sosial, nilai min yang dicatatkan ialah 2.94 yang memberi maksud bantuan yang diterima belum cukup kuat untuk mendorong responden bagi menyertai aktiviti masyarakat di sekitar mereka. Tahap sederhana yang ditunjukkan bagi persepsi sosial menyerahkan sikap menyendiri responden untuk membuat perubahan dalam hidup mereka.

Bagi pemboleh ubah jati diri, nilai min yang diperolehi ialah 2.96 iaitu berada pada tahap sederhana. Dapatkan ini menunjukkan responden memerlukan lebih banyak dorongan dari luar untuk melepaskan sikap kebergantungan mereka terhadap bantuan yang diberikan. Walau bagaimanapun telah ada kesedaran di dalam diri mereka untuk berubah kerana menyedari kegagalan untuk berubah adalah disebabkan oleh diri mereka sendiri.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa tahap keberkesanan skim bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia ini berada pada tahap yang tinggi yang mana nilai min keseluruhan pemboleh ubah yang dikaji berada pada tahap tinggi iaitu 3.71 seperitiman yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9: Analisis Tahap Keberkesanan Skim Bantuan

Pemboleh Ubah	Min
Perkhidmatan pelanggan	4.42
Persepsi umum	4.13
Persepsi ekonomi	3.68
Persepsi sosial	2.94
Persepsi jati diri	2.96
Keseluruhan	3.71

5.0 KESIMPULAN

Perkhidmatan pelanggan JKMM memberi pengaruh besar kepada kesan psikologi responden. Kesediaan pegawai JKMM memahami masalah di samping sikap mesra menjadikan urusan di kaunter lebih baik dan memuaskan hati. Kesediaan untuk membantu menjadikan responden lebih selesa dan mudah bagi mereka untuk memberi kerjasama. Dapatkan min yang tinggi bagi persepsi perkhidmatan pelanggan menunjukkan bahawa ia memberi kesan besar kepada kesediaan responden untuk memberi kerjasama.

Majoriti responden mengakui bantuan yang diterima telah membaiki taraf hidup mereka dan berpendapat keadaan hidup itu akan lebih baik jika jumlah bantuan tersebut ditambah lagi. Ini adalah kerana sebahagian besar daripada responden masih lagi berhutang atau terpaksa meminjam wang daripada rakan-rakan, adik-beradik atau majikan untuk menghadapi beban kos hidup yang tinggi di bandar. Kenyataan ini menyerlahkan sikap bergantung responden terhadap bantuan yang diterima. Walaupun jumlah bantuan tersebut telah meningkatkan taraf hidup, ia tidak dapat memberi kelebihan untuk mereka menjana pendapatan sendiri kerana pelbagai kekangan. Kesedaran untuk berubah telah ada di dalam diri responden tetapi pemikiran yang telah lama bertapak di dalam diri menyebabkan mereka bergantung harap kepada JKMM.

PENGHARGAAN

Kami mengucapkan terima kasih kepada Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka serta kumpulan penyelidikan di bawah Centre of Technopreneurship Development (C-TED) yang memberi kerjasama bagi menjayakan kertas kerja ini.

RUJUKAN

Amanah Ikhtiar Malaysia. (2018). Diakses dari www.aim.gov.my.

Asnarulkhadi Abu Samah. (2006). *Pembangunan Komuniti: Strategi, Peranan dan Cabaran Ke Arah Pembentukan Masyarakat Sejahtera dan Saksama*. Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Agenda Pembangunan Sosial Ke Arah Pembentukan Masyarakat Sejahtera dan Saksama, anjuran ISM dan USM, 1-2 Jun 2006.

Chamhuri Siwar. (1995). *Beberapa implikasi dasar pembasmian kemiskinan selepas tahun 1990 dalam H.Osman-Rani (ed.), Daerah-daerah kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haris Abd. Wahab. (2010). *Kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti: Pendekatan dan indikator*. Dalam Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, 24-25 Februari, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam.

Haris Abd. Wahab. (1996). *Penglibatan peserta dalam program pembangunan komuniti di Kg. Buloh, Kelantan*. Tesis master sains yang tidak dikeluarkan. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Ishak Haji Abdul Rahman. (1994). *Program Amanah Ikhtiar Malaysia: keberkesanannya dalam membasmikan kemiskinan: kajian kes di Daerah Sik, Kedah*. Tesis ijazah sarjana pentadbiran awam yang tidak dikeluarkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2016). Laporan Tahunan JKMM.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2004). Profil statistik 2001-2004.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Peratusan kemiskinan di Malaysia*. (<https://www.dosm.gov.my/v1/>).

Laporan Statistik 2016 JKMM. Diakses dari <http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/Buku%20statistik%202016.pdf>.

Malaysia. (1970). *Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Mohd Aris Abdul Manaf. (2000). *Perkaitan iklim organisasi dengan prestasi kerja di kalangan kakitangan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)*. Tesis master sains yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mohd Arpan Shari. (2004). *Peranan penyelia dan pemaju masyarakat Kemas sebagai penggerak Gerakan Desa Wawasan: satu kajian kes di negeri Selangor*. Tesis master sains yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mohd. Taib Haji Dora. (2006). Realiti Kemiskinan Melayu Bandar, *ISM Minda*, 5(1), 20-25.

Nor Aini Haji Idris dan Chamchuri Siwar. (2003). *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Omar Othman. (2004). *Orang Asli dalam politik dan pembangunan di Pahang*. Tesis master sains yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia